



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 11 Mei 2023 (Khamis) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<p>KPWKM Serah Kepada Pihak Berkuasa Untuk Ambil Tindakan</p> <p>https://www.astroawani.com/videos/awani745-x7kldw/kpwkm-serah-kepada-pihak-berkuasa-untuk-ambil-tindakan-x8ktevk</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=sCjZrv-R9eU</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Astro Awani</p>
2	<p>Polis Selamatkan Remaja 11 Bulan Dilarikan Teman Lelaki</p> <p>https://wartarakyat.com.my/index.php/2023/05/10/polis-selamatkan-remaja-11-bulan-dilarikan-teman-lelaki/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=polis-selamatkan-remaja-11-bulan-dilarikan-teman-lelaki</p>	<p>Warta Rakyat</p>
3	<p>Budak 6 Tahun Pandu Kereta, Polis Buka Kertas Siasatan Ibu Bapa Cuai</p>	

https://malaysiagazette.com/2023/05/10/budak-6-tahun-pandu-kereta-polis-buka-kertas-siasatan-ibu-bapa-cuai/	Malaysia Gazette
https://www.sinarharian.com.my/article/257844/berita/semasa/budak-pandu-kereta-polis-rakam-keterangan-ibu-bapa	Sinar Harian
https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/saya-nak-pi-kedai-budak-enam-tahun-pandu-kereta-terlibat-kemalangan/	Utusan
https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/965343/polis-rakam-keterangan-ibu-bapa-kanak-kanak-pandu-kereta	Harian Metro
https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1099431/polis-panggil-ibu-bapa-kanak-kanak-memandu-kereta-bantu-siasatan	Berita Harian
https://www.youtube.com/watch?v=CVTT3AicHdg	Buletin TV3
https://sinarplus.sinarharian.com.my/kisah-masyarakat/saya-nak-pi-kedai-kanak-kanak-6-tahun-memandu-bawa-adik-3-tahun-di-langkawi-ini-kronologinya/	Sinar Plus
https://harakahdaily.net/index.php/2023/05/10/kanak-kanak-6-tahun-pandu-kereta-sehingga-kemalangan/	Harakah Daily
https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/10/polis-ambil-keterangan-ibu-bapa-budak-6-tahun-pandu-kereta/	FMT
https://majoriti.com.my/berita/2023/05/10/ibu-di-tandas-bapa-tidur-ketika-budak-6-tahun-pandu-kereta-sebelum-terbabas-di-langkawi	Majoriti
https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2187633	Bernamea
https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kanak-kanak-enam-tahun-pandu-kereta-sehingga-kemalangan-di-langkawi-IN10953821	The Sun Daily
https://www.malaysiakini.com/news/664551	Malaysia Kini
https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-memandu-sehingga-terbabit-kemalangan/	Buletin TV3

	https://www.melakahariini.my/kanak-kanak-enam-tahun-pandu-kereta-hingga-kemalangan/	Melaka Hari Ini
4	Guru Taska Jadi Ejen Kesan Autisme Kalangan Kanak-Kanak https://www.msn.com/en-my/news/berita/guru-taska-jadi-ejen-kesan-autisme-kalangan-kanak-kanak/ar-AA1aZcJq?li=AAAHkOw	MSN
5	Bayi Selangor Ditawar Tabungan RM100 Setahun https://www.sinarharian.com.my/article/257786/edisi/selangor-kl/bayi-selangor-ditawar-tabungan-rm100-setahun https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-selangor-ditawar-tabungan-rm100-setahun-418914 https://selangorkini.my/2023/05/mb-lebih-20000-bayi-disasar-terima-manfaat-tabung-pendidikan-rm500/	Sinar Harian Astro Awani Selangor Kini
6	Ibu Kecewa Bayi Disusui Orang Lain Tanpa Izin https://www.kosmo.com.my/2023/05/10/ibu-kecewa-bayi-disusui-orang-lain-tanpa-izin/	Kosmo
7	Sumbangan RM9 Juta Buat Bayi Naail Berjaya Dikumpul https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sumbangan-rm9-juta-buat-bayi-naail-berjaya-dikumpul-418931	Astro Awani
8	Wanita Cedera Terkena Tembakan Dilepaskan Bekas Rakan Sekerja https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/965417/wanita-cedera-terkena-tembakan-dilepaskan-bekas-rakan-sekerja https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1099562/wanita-cedera-ditembak-bekas-rakan-sekerja https://tvstv.my/2023/05/10/wanita-cedera-ditembak-di-serian/ https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/10/wanita-cedera-ditembak-lelaki-guna-senapang-patah/	Harian Metro Berita Harian TVSTV FMT

	https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/10/wanita-cedera-ditembak-di-serian-suspek-diberkas	Utusan Borneo
9	<p>Polis Terus Siasat Kes Jumpa Mayat Wanita</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/polis-terus-siasatan-kes-jumpa-mayat-wanita/</p>	Utusan
10	<p>Lelaki Warga Emas Ditemui Mati Dalam Kereta</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1099496/lelaki-warga-emas-ditemui-mati-dalam-kereta</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/965372/warga-emas-mati-dalam-kereta-dipercayai-dibunuh</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/10/mayat-warga-emas-berlumuran-darah-ditemui-dalam-kereta-kancil/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/257859/berita/semasa/mayat-warga-emas-berlumuran-darah-ditemui-dalam-kereta</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/10/warga-emas-ditemui-mati-dalam-kereta-polis-tahan-pemastautin-tetap/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/05/10/lelaki-warga-emas-mati-dalam-kereta-disyaki-dibunuh-polis/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2187897</p> <p>https://www.thesundaily.my/cerita/polis-lelaki-warga-emas-mati-dalam-kereta-disyaki-dibunuh-EN10957773</p> <p>https://www.buletintv3.my/jenayah/warga-emas-ditemui-mati-dalam-kereta-dipercayai-dibunuh/</p> <p>https://suarasarawak.my/lelaki-warga-emas-mati-dalam-kereta-disyaki-dibunuh-polis/</p> <p>https://headtopics.com/my/warga-emas-mati-dalam-kereta-dipercayai-dibunuh-harian-metro-38973838</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Kosmo</p> <p>Sinar Harian</p> <p>FMT</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Bernamea</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Suara Sarawak</p> <p>Head Topics</p>

11 Pernah Disahkan Akan Lumpuh Seumur Hidup, Kini Bangkit Mengejar Cita-Cita

<https://www.buletintv3.my/nasional/pernah-disahkan-akan-lumpuh-seumur-hidup-kini-bangkit-mengejar-cita-cita/>

Buletin TV3

KPWKM SERAH KEPADA PIHAK BERKUASA UNTUK AMBIL TINDAKAN

<https://www.astroawani.com/videos/awani745-x7kldw/kpwkm-serah-kepada-pihak-berkuasa-untuk-ambil-tindakan-x8ktcvk>

Sumber : Astro Awani

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyerahkan sepenuhnya kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan terhadap ibu bapa kanak-kanak enam tahun yang memandu kereta sehingga terbabas di Simpang Kenyum, Langkawi, Selasa malam.

POLIS SELAMATKAN REMAJA 11 BULAN DILARIKAN TEMAN LELAKI

https://wartarakyat.com.my/index.php/2023/05/10/polis-selamatkan-remaja-11-bulan-dilarikan-teman-lelaki/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=polis-selamatkan-remaja-11-bulan-dilarikan-teman-lelaki

Sumber : Warta Rakyat



SEORANG remaja perempuan berusia 17 tahun yang dilarikan teman lelakinya sejak 11 bulan lalu diberkas dalam serbuan di sebuah rumah di Banting, semalam.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Fakhruddin Abdul Hamid berkata, mangsa dipercayai tinggal bersama suspek di sebuah stor besi buruk di sekitar Banting sejak dilarikan suspek pada Julai lalu.

“Hasil maklumat risikan, polis berjaya mengesan dan menahan suspek di sebuah kampung di Banting sebelum berjaya menemui mangsa di sebuah kampung di daerah sama.

“Siasatan awal mendapati motif kejadian dipercayai suspek yang bercinta dengan mangsa sejak 2014 mengesyaki gadis itu mempunyai teman lelaki lain,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, mangsa dipercayai memang mengikut suspek, namun kes disiasat mengikut Seksyen 52 Akta Kanak-kanak 2001 kerana mangsa masih bawah umur berusia 17 tahun.

Menurutnya, hasil maklumat risikan, polis berjaya mengesan dan menahan suspek di sebuah kampung di sekitar Banting dan berjaya menemui mangsa di Jalan Bukit Perah, Kampung Olak Lempit, Banting

Sepanjang dilaporkan hilang ujarnya, mangsa tidak pernah menghubungi keluarganya di Desa Mentari, Petaling Jaya dan siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenal pasti sekiranya berlaku perlakuan seksual.

“Mangsa ditemui dalam keadaan selamat tanpa sebarang kecederaan. Suspek yang bekerja sebagai pembantu kedai besi buruk tidak mempunyai rekod lampau,” katanya, lapor Harian Metro.

Tambahnya, suspek direman dua hari sejak semalam untuk membantu siasatan yang turut dibuat mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan.

BUDAK 6 TAHUN PANDU KERETA, POLIS BUKA KERTAS SIASATAN IBU BAPA CUI

<https://malaysiagazette.com/2023/05/10/budak-6-tahun-pandu-kereta-polis-buka-kertas-siasatan-ibu-bapa-cuai/>

Sumber : Malaysia Gazette

LANGKAWI – Seorang kanak-kanak lelaki mengalami kecederaan selepas kereta yang dipandunya terbabas dalam kejadian di Jalan Bukit Tangga, Titicawang di sini, malam tadi.

Kejadian jam 11.25 malam itu mengejutkan penduduk kampung yang menyelamatkan mangsa apabila mendapati kereta jenis Vios itu dipandu kanak-kanak lelaki berusia enam tahun bersama adiknya berusia tiga tahun.



Tular gambar kanak-kanak lelaki berusia enam tahun memandu kereta milik keluarga bersama adiknya berusia tiga tahun.

Ketua Polis Daerah Langkawi, Asisten Komisioner Shariman Ashari berkata, kereta berkenaan dipandu sejauh kira-kira 2.5 kilometer oleh kanak-kanak berkenaan dari rumahnya dari arah Ulu Melaka ke Nyior Chabang sebelum terbabas ke tepi jalan dan melanggar tiang lampu.


Katanya, hasil siasatan mendapati ketika kejadian bapa kepada dua kanak-kanak itu sedang tidur manakala ibunya berada dalam bilik air.



Penduduk kampung menyelamatkan pemandu berusia enam tahun yang terlibat dalam kemalangan bersama adiknya di Langkawi, Kedah malam tadi.

“Akibat kejadian itu, pemandu luka pada dagu manakala adik lelakinya tidak cedera.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 43 Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Seksyen 31(1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001,” katanya dalam satu kenyataan media hari ini.



Keadaan kereta yang dipandu kanak-kanak lelaki tersebut selepas terlibat dalam kemalangan.

Terdahulu, tular satu rakaman video menunjukkan penduduk kampung menyelamatkan mangsa kemalangan terkejut apabila pemandu dan penumpang kereta berkenaan merupakan dua kanak-kanak lelaki.

Berdasarkan rakaman itu, pemandu cilik tersebut mendakwa memandu kereta milik keluarganya untuk pergi ke kedai. – MalaysiaGazette

GURU TASKA JADI EJEN KESAN AUTISME KALANGAN KANAK-KANAK

<https://www.msn.com/en-my/news/berita/guru-taska-jadi-ejen-kesan-autisme-kalangan-kanak-kanak/ar-AA1aZcJq?li=AAAHkOw>

Sumber : MSN



KOTA BHARU - Guru taman asuhan kanak-kanak (Taska) merupakan ejen yang boleh membantu mengesan autisme dalam kalangan kanak-kanak.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan negeri, Datuk Dr Izani Hussin berkata, guru terbabit boleh memaklumkan kepada ibu bapa jika ada kelainan sikap terhadap kanak-kanak.

"Justeru pendedahan mengenai autisme dalam kalangan guru taska juga penting untuk tujuan itu. Itu perkara yang positif," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Autisme Sedunia Peringkat Negeri Kelantan 2023 dekat sini pada Rabu.

Menurut beliau, kerajaan Kelantan bersedia bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) bagi membantu meningkatkan kesedaran berkaitan autisme.

Jelasnya, kerajaan negeri tiada kepakaran dan kakitangan dalam bidang itu.

"Kerjasama ini membolehkan kita menguar-uarkan supaya ibu bapa ambil tahu. Pada masa sama kanak-kanak ini boleh diubah untuk lebih berpotensi dan menunjukkan bakat mereka.

"Kita menggalakkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke pusat khas autisme yang memberi pendedahan mengenai autisme untuk mengurus anak-anak istimewa ini," katanya.

Beliau turut memaklumkan, kesedaran mengenai autisme dalam kalangan masyarakat meningkat sejajar dengan peningkatan kes dari tahun ke tahun.

BAYI SELANGOR DITAWAR TABUNGAN RM100 SETAHUN

<https://www.sinarharian.com.my/article/257786/edisi/selangor-kl/bayi-selangor-ditawar-tabungan-rm100-setahun>

Sumber : Sinar Harian



SHAH ALAM - Kerajaan negeri menawarkan tabungan RM100 setahun kepada bayi yang lahir di Selangor menerusi Itizam Anak Selangor (Anas).

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, seramai 7,654 bayi yang lahir di Selangor pada tahun lepas hingga Mac lepas layak menerima manfaat itu.

Menurutnya, Anas masih dibuka kepada lebih 20,000 bayi sehingga hujung tahun ini.

"Tabungan RM100 setahun akan diberikan sehingga bayi berkenaan berumur lima tahun.

"Sumbangan ini dimasukkan ke dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) Prime bagi membantu persediaan pendidikan, " katanya menerusi kenyataan di Facebook pada Rabu.

Ujar beliau, Bajet Selangor 2023 memperuntukkan RM3 juta untuk menjayakan Anas dengan sasaran 30,000 bayi menerima RM500.

Ujar beliau, bayi yang lahir di Selangor bermula 2022 dan menetap di negeri ini selain merupakan warganegara boleh memohon di anas.yawas.com.my segera.

IBU KECEWA BAYI DISUSUI ORANG LAIN TANPA IZIN

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/10/ibu-kecewa-bayi-disusui-orang-lain-tanpa-izin/>

Sumber : Kosmo



PETALING JAYA – Seorang ibu muda meluahkan rasa kecewa apabila bayinya didakwa disusui oleh wanita lain tanpa meminta izin terlebih dahulu.

Melalui satu klip video yang dikongsi di laman sosial milik @afieqahhasanah, ibu tersebut ternyata kecewa apabila mendapati bayinya telah disusui oleh wanita berkenaan sebanyak dua kali.

Jelasnya, ketika kejadian ibu tersebut dikatakan sedang sibuk dengan persediaan majlis anaknya di sebuah surau dan anaknya diserahkan kepada wanita tersebut untuk sementara.

Wanita berkenaan pula didakwa merupakan orang terdekat ibu terbabit dan tanpa meminta keizinan terus menyusukan bayi ibu tersebut.

“Saya sudah hilang kepercayaan kepada orang lain sekarang, saya begitu kecewa. Kita jaga anak kita untuk tidak dicium atau dipeluk orang lain.

“Bukan disebabkan apa tetapi risau dengan bermacam penyakit ketika ini, boleh dia tak minta izin dengan saya terlebih dahulu,” jelas ibu tersebut.

Rata-rata orang ramai juga turut terkejut dengan situasi tersebut dan menyatakan keadaan tersebut tidak perlu berlaku dalam kehidupan masyarakat kita.

“Pelik-pelik orang sekarang, apa yang masalah pergi susukan anak orang tanpa izin sedangkan ibu dia boleh susukan anak sendiri,” kata seorang pengguna media sosial.

“Risau tentang hukum pula nanti, apa akan jadi selepas ini jika anak wanita itu dan ibu tersebut di kemudian hari.

“Jika sudah cukup lima kali kenyang, maka anak itu sudah jadi adik beradik. Lagi satu apa yang dirisaukan ibu itu ada berkenaan kesihatan,” kata Irfan Nor. – KOSMO! ONLINE.

SUMBANGAN RM9 JUTA BUAT BAYI NAAIL BERJAYA DIKUMPUL

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sumbangan-rm9-juta-buat-bayi-naail-berjaya-dikumpul-418931>

Sumber : Astro Awani



KUALA LUMPUR: Lebih RM9 juta dana berjaya dikumpul hasil sumbangan orang ramai bagi membantu seorang bayi 10 bulan, Wan Muhammad Naail Wan Aslam yang menghidap penyakit jarang jumpa, Spinal Muscular Athropy (SMA) Type 1.

Bapa bayi itu, Wan Aslam Zakaria, 30, berkata dana yang telah dilancarkan menerusi Misi Rakyat sejak 13 April itu bertujuan membolehkan anaknya mendapatkan suntikan ubat jenis

Gene Therapy Zolgensma bernilai AS\$2.1 juta (RM9.28 juta) untuk sekali seumur hidup bagi menghentikan proses kemerosotan fungsi ototnya yang terjejas akibat penyakit itu.

Katanya beliau sekeluarga bersyukur kepada Allah SWT dan berterima kasih atas keprihatinan semua penyumbang sehingga misi untuk mengumpul dana RM9 juta bagi merawat anak bongsunya itu tercapai.

"Memang pada peringkat awal fikiran kami mustahil untuk capai jumlah dana RM9 juta, apatah lagi kami rakyat biasa yang tidak mampu untuk membeli ubat semahal itu, tapi dengan pertolongan yang tak disangka-sangka datang ini, jumlah itu dicapai.

"Saya berharap dengan sumbangan ini juga mampu memberikan kebaikan (kesembuhan) kepada Naail dan membesar seperti kanak-kanak lain. Mudah-mudahan juga apabila beliau besar nanti memberi manfaat kepada orang ramai," katanya ketika dihubungi Bernama di sini hari ini.

Terdahulu, tular di media sosial hari ini apabila video yang menyaksikan kutipan orang ramai dilakukan sebuah pertubuhan bukan kerajaan, Misi Rakyat bagi membantu Wan Muhammad Naail telah mencecah RM9,088,404.

Wan Aslam memaklumkan Wan Muhammad Naail disahkan menghidap penyakit SMA Type 1 ketika berumur empat bulan yang menyebabkan ototnya merosot hingga sukar menelan air liur sendiri, selain memerlukan bantuan mesin pernafasan, mesin penyedut kahak dan meminum susu menggunakan tiub melalui hidung.

Ketika ini juga anaknya itu mengambil ubat Risdiplam bernilai RM40,400 sebotol setiap bulan untuk membantu mengurangkan keadaannya supaya tidak merosot otot sementara menunggu dana untuk membeli ubat jenis Gene Therapy Zolgensma yang perlu disuntik sebelum berumur dua tahun.

Mengenai perancangan seterusnya, Wan Aslam yang menetap di ibu negara berkata beliau akan berjumpa dengan pihak hospital pada hari Isnin ini untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai prosedur yang perlu mereka lakukan termasuk penetapan tarikh suntikan.

"Setakat ini saya dimaklumkan, biasanya prosedur (sebelum dicucuk) ia mengambil masa sebulan termasuk tempahan ubat Gene Therapy Zolgensma dari Amerika Syarikat yang mengambil masa dua hingga tiga minggu untuk sampai ke Malaysia selepas pembayaran dibuat. Jadi maklumat terkini akan saya kemas kini dalam media sosial saya," katanya.

WANITA CEDERA TERKENA TEMBAKAN DILEPASKAN BEKAS RAKAN SEKERJA

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/965417/wanita-cedera-terkena-tembakan-dilepaskan-bekas-rakan-sekerja>

Sumber : Harian Metro



Kuching: Polis menahan lelaki warga emas kerana melepaskan tembakan yang mencederakan seorang wanita di Serian, hari ini.

Ketua Polis Daerah Serian, Deputy Superintendan Aswandy Anis berkata, pihaknya menerima maklumat berhubung kejadian di Batu 37, Jalan Kuching-Serian itu pada 8.10 pagi.

Menurutnya, berikutan kejadian wanita berusia 39 tahun yang bekerja di sebuah syarikat konkrit mengalami kecederaan di tangan dan bahu kanan.

"Suspek ditahan oleh orang awam sejurus kejadian dan kemudian diserahkan kepada polis. Dia kini ditahan di lokap Balai Polis Serian sementara mendapatkan perintah tahanan reman.

"Mangsa yang mengalami kecederaan dikejarkan ke Hospital Serian untuk rawatan lanjut," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Menurutnya, polis turut merampas selaras senapang patah yang digunakan suspek dalam kejadian itu.

"Difahamkan suspek adalah bekas rakan sekerja mangsa di syarikat berkenaan dan polis masih meneliti motif dia melepaskan tembakan.

"Kes itu disiasat mengikut Seksyen 307 Kanun Keseksaan kerana cubaan membunuh," katanya.

POLIS TERUS SIASAT KES JUMPA MAYAT WANITA

<https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/polis-terus-siasatan-kes-jumpa-mayat-wanita/>

Sumber : Utusan



SUNGAI PETANI: [Polis](#) menjalankan siasatan lanjut berhubung kes penemuan mayat wanita dalam longkang di belakang sebuah rumah di Taman Perpaduan, Bakar Arang di sini Sabtu lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Zaidy Che Hassan berkata, berdasarkan laporan awal bedah siasat, punca kematian masih belum dapat dipastikan dan pihaknya masih menunggu laporan kimia dan patologi daripada Unit Forensik Petaling Jaya.

“Terdapat kesukaran kerana mayat yang belum dikenal pasti identitinya itu telah membengkak dan membusuk ekoran sudah melebihi 24 jam meninggal dunia sebelum ditemukan,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Pada 6 Mei lalu, polis menerima laporan tentang penemuan mayat wanita dipercayai berusia lingkungan 30-an yang berbaju kelawar tanpa pakaian dalam daripada orang awam kira-kira pukul 5.47 petang.

Menurut Zaidy, pihaknya turut mendapati tiada kesan cedera seperti tikaman atau luka pada tubuh mangsa.

Katanya, siasatan juga diteruskan sama ada kemungkinan mangsa dirogol dan dibunuh di tempat lain sebelum dibuang di situ berdasarkan penemuan mayat yang ditutup dengan plastik dan atap zink ketika ditemukan.

“Identiti mangsa juga belum dapat dipastikan sepenuhnya dan sehingga kini pihak kita belum lagi menerima laporan kes kehilangan orang.

“Bagaimanapun kita masih meneruskan siasatan daripada pelbagai sudut termasuk merakam keterangan beberapa orang saksi di lokasi penemuan mayat itu,” katanya. [-UTUSAN](#)

LELAKI WARGA EMAS DITEMUI MATI DALAM KERETA

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1099496/lelaki-warga-emas-ditemui-mati-dalam-kereta>

Sumber : Berita Harian



KUALA LUMPUR: Seorang lelaki warga emas ditemui mati dengan kesan cedera pada leher dalam sebuah kereta di kawasan lapang berhadapan Selayang Centre Point, Jalan Selayang, Batu Caves, Selangor, semalam.

Kejadian dilaporkan pada polis oleh orang awam pada jam 10.15 pagi selepas ternampak mangsa berada dalam keadaan berlumuran darah dan tidak sedarkan diri dalam kereta jenis Perodua Kancil.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Zainal Mohamed Mohamed, berkata siasatan awal mendapati mangsa adalah seorang lelaki tempatan berusia 70-an dan beralamat di Selayang Baru.

"Mangsa ditemui dalam keadaan lengkap berpakaian iaitu kemeja serta berseluar panjang di tempat duduk pemandu dalam keadaan berlumuran darah.

"Pemeriksaan tubuh badan mangsa menemui kesan kecederaan luka parah pada bahagian leher dan satu objek tajam turut ditemui di tempat kejadian," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, mayat mangsa dibawa ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk proses bedah siasat.

Zainal Mohamed berkata, hasil siasatan dan maklumat, polis dari Bahagian Siasatan Jenayah IPD Gombak menahan seorang lelaki bertaraf pemastautin tetap, berusia lingkungan 40-an, kira-kira jam 4 petang pada hari kejadian.

"Suspek ditahan reman mulai hari ini hingga 16 Mei bagi membantu siasatan.

"Motif kejadian masih dalam siasatan dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan iaitu membunuh," katanya.

Orang ramai yang melihat atau mempunyai maklumat mengenai kejadian itu diminta tampil membantu siasatan, dengan menghubungi Pegawai Penyiasat kes, Asisten Superintendan Puteri Noor Asiah Mohd Sharif di talian 012-6718024 atau IPD Gombak di talian 03-6126222.

PERNAH DISAHKAN AKAN LUMPUH SEUMUR HIDUP, KINI BANGKIT MENGEJAR CITA-CITA

<https://www.buletintv3.my/nasional/pernah-disahkan-akan-lumpuh-seumur-hidup-kini-bangkit-mengejar-cita-cita/>

Sumber : Buletin TV3



KUALA LUMPUR: Kemalangan enam tahun lalu menjadi satu mimpi negeri buat seorang gadis.

Akibat tragedi itu, Eyka Bakri, bukan sahaja mengalami amnesia dalam tempoh 18 hari namun turut disahkan doktor akan lumpuh seumur hidup.

Namun, berbekalkan semangat yang kuat serta doa keluarganya, gadis berusia 27 tahun dari Temerloh, Pahang itu, berjaya bangkit dan mampu berjalan kembali.

Eyka berkata, sejak kemalangan itu, dia bukan sahaja kehilangan kerjaya, malah kecederaan dalam kepala turut merosakkan saraf sehingga dia kini merupakan salah seorang pemegang kad Orang Kurang Upaya (OKU).



Eyka ketika terlantar enam tahun lalu kerana kemalangan dan turut disahkan doktor akan lumpuh seumur hidup.

“Pada awalnya doktor sahkan saya akan lumpuh seumur hidup, selepas 18 hari terlantar di hospital, doktor membenarkan saya pulang kerana sudah tidak ada rawatan yang boleh dilakukan.

“Bagaimanapun, sebaik keluar hospital ibu dan ayah membawa saya membuat rawatan alternatif iaitu rawatan secara kampung,” katanya.

Menurutnya lagi, selepas enam bulan mendapat rawatan, dia mula beransur pulih dan akhirnya boleh berjalan kembali.

Bermula 2019, graduan bidang Logistik, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah POLISAS ini tekad untuk berhijrah ke kota dan memulakan perniagaan dengan menghasilkan produk sabun kecantikan menggunakan bahan semulajadi.

pengalaman lalu tidak menjadi penghalang kepadanya untuk bangkit dan memberi sumbangan kepada keluarga dan masyarakat.

“Saya tidak mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan jadi saya mengambil keputusan untuk mengikuti kursus yang disediakan sebuah badan pembangunan usahawan Bumiputera.

” Alhamdulillah, usaha saya membangunkan perniagaan ini mula berkembang dan saya akan menggunakan peluang kedua yang dianugerahkan Allah ini sebaiknya,” katanya.